

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : BISNES

Dagangan pertama Solar District bermula mantap

Solar District Cooling Group Bhd (SDCG) yang membuat penampilan pertama di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd semalam, dibuka pada 50 sen sesaham mewakili premium sebanyak 31.6 peratus berbanding harga tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 38 sen sesaham.

SDCG terabit terutama dalam penyediaan dan penyelegaraan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS), sistem haba suria dan perkhidmatan penjimatan tenaga.

Kumpulan mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam meningkatkan kecekapan tenaga merentas sektor penjagaan kesihatan, hospitaliti dan perindustrian.

SDCG meraih modal RM45.1 juta melalui IPO, yang mana RM1.9 juta diperuntukkan untuk pembesaran ibu pejabat di Kajang, Selangor, RM5 juta untuk bon tender dan/atau bon prestasi untuk projek masa hadapan dan RM18.7 juta untuk pembelian bahan untuk segmen BMS, sistem haba suria serta segmen perkhidmatan penjimatan tenaga.

Sementara itu, sebanyak RM12.7 juta diperuntukkan untuk keperluan modal kerja, RM2.5 juta untuk perbelanjaan modal dan RM4.3 juta untuk pembayaran perbelanjaan penyenaraian.

Pengerusi SDCG, Ir Dr Khairul Azmy Kamaluddin, berkata penyenaraian itu menandakan satu lagi peristiwa penting dalam perjalanan kumpulan.

Beliau berkata, ia adalah bukti kerja keras dan dedikasi kumpulan serta akan terus memupuk untuk memajukan BMS serta haba suria, selain meningkatkan kecekapan tenaga dan mempromosikan penjagaan alam sekitar.

Pharmaniaga labur RM300j bina kilang insulin, vaksin

Kemudahan bakal lonjak industri biofarmaseutikal negara, dijangka jana pendapatan RM400j setahun

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pharmaniaga Bhd melabur sebanyak RM300 juta bagi membina kilang pengeluaran insulin, biosimilar dan vaksin pertama buatan tempatan.

Kilang terletak di Puchong itu bakal memainkan peranan penting dalam strategi pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), selaras dengan inisiatif GEAR-uP Kementerian Kewangan di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kilang canggih itu bakal memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sektor penjagaan kesihatan Malaysia dengan mengurangkan kebergantungan kepada biofarmaseutikal import, seperti insulin dan vaksin.

"Malaysia bakal mencapai pencapaian penting dalam sektor penjagaan kesihatan dengan pengeluaran insulin manusia, biosimilar dan vaksin buatan tempatan, susulan pelancaran kilang biofarmaseutikal milik tempatan pertama negara oleh Pharmaniaga.

"Sebagai pemegang saham utama Pharmaniaga melalui Bous-



Mohamed Khaled menandatangani plak pelancongan pada Majlis Perasmian Fasiliti Pengilangan Insulin dan Vaksin di Puchong, semalam.

(Foto Alzuddin Saad/BH)

tead Holdings Bhd, LTAT komited untuk meningkatkan penciptaan nilai farmaseutikal Malaysia dengan memperkuuh kapasiti pengeluaran produk biofarmaseutikal tempatan," katanya pada sidang media selepas melancarkan kilang milik Pharmaniaga di Puchong, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Mohammad Yusof Apdal; Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md Radzi dan Pengarah Urusan Pharmaniaga, Zulkifli Jafar.

Pastikan bekalan berterusan

Sementara itu, Zulkifli berkata, kemudahan pengeluaran insulin, biosimilar dan vaksin itu bakal memberikan keterlilhatan pendapatan sekitar RM400 juta setahun kepada Pharmaniaga, merangkumi RM300 juta untuk vaksin dan baki RM100 juta insulin.

"Pelancaran kilang biofarmaseutikal milik tempatan pertama negara oleh Pharmaniaga, Zulkifli Jafar.

seutikal milik tempatan pertama Malaysia adalah detik yang membanggakan bagi kami. Kemudahan ini bukan sahaja untuk memastikan bekalan ubat-ubatan kritisik yang berterusan, ia juga menjamin masa depan bekalan kilang milik Pharmaniaga di Puchong, semalam.

"Dengan membina keupayaan tempatan, kami berharap untuk membantu kerajaan mengurangkan pergantungan negara kepada import, terutama bagi item kritisik seperti insulin dan vaksin, mengalakkkan sistem penjagaan kesihatan yang lebih berdaya tahan dan meningkatkan aksesibiliti rakyat terhadap ubat-ubatan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, permintaan untuk insulin dijangka terus meningkat dengan 4.4 juta rakyat Malaysia kini menghidap diabetes dan jumlahnya dijangka melonjak kepada 5.1 juta menjelang 2030.

"Pengeluaran insulin secara tempatan memastikan keselamatan bekalan jangka panjang dan kilang


ini akan menjadi kemudahan penting dalam memenuhi keperluan yang semakin meningkat pesakit diabetes di Malaysia," katanya.

Kemudahan biofarmaseutikal Pharmaniaga kini telah siap sepenuhnya dan sedang menjalani prosedur simulasii untuk persiapan pengeluaran kelompok pergeseran proses, serta mendapatkan kelulusan daripada pihak berkualiti kawal selia berkaitan.

Diperakui oleh Amalan Pengilangan Baik Kesatuan Eropah (EU GMP), kilang ini mampu menghasilkan sehingga 30 juta dos insulin manusia setiap tahun, melebihi permintaan semasa Malaysia yang berjumlah kira-kira 25 juta dos setahun.

Selain insulin, kilang pengeluaran itu berupaya menghasilkan biofarmaseutikal kritisik lain, termasuk vaksin dan biosimilar lain, yang seterusnya menyumbang kepada daya tahan penjagaan kesihatan negara.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL



FASILITI pengilangan insulin dan vaksin di Pharmaniaga Lifescience, Puchong. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Puchong

Kilang penghasilan vaksin dan insulin pertama di Malaysia milik Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) yang boleh menghasilkan produk untuk 13 jenis penyakit, bukan sahaja mampu menampung permintaan tempatan, malah antarabangsa.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pembinaan kilang membabitkan pelaburan mencecah RM300 juta itu juga mampu memberi pulangan lumayan.

Menurutnya, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Boustead Holding Berhad adalah pemegang saham terbesar projek berkenaan dengan nilai pelaburan melebihi 50 peratus.

"Kilang ini boleh menghasilkan insulin dan vaksin untuk 13 jenis penyakit. Justeru, menerusi perasmian fasiliti ini, ia mem-

Insulin, vaksin 13 penyakit

Pharmaniaga buka kilang dengan kos RM300j penuhi keperluan tempatan, antarabangsa

bantu keterjaminan ubat negara.

"Seperti kita sedia maklum, insulin digunakan untuk memenuhi keperluan pesakit kencing manis atau diabetes yang kita tahu jumlah mereka tinggi."

"Jumlah keperluan ubat juga tinggi dan kerajaan setiap tahun membelanjakan RM300 juta untuk (beli) insulin sahaja," katanya selepas merasmikan fasiliti pengilangan itu di sini, semalam.

Mohamed Khaled berka-

ta, fasiliti pengilangan air tangan anak tempatan itu dilihat mampu memberi penjimatan kewangan negara kerana ia mengurangkan jumlah import, khususnya membabitkan insulin untuk penghidaupan diabetes.

Beliau turut yakin dengan kemampuan Pharmaniaga untuk mengekspor produk perubatan itu bagi memenuhi permintaan antarabangsa yang secara tidak langsung memberi keuntungan kepada LTAT sendiri.

Mengulas berkaitan pe-

mengang saham LTAT di dalam fasiliti itu, Mohamed Khaled menegaskan, ia pelaburan bijak yang diharap mampu memberikan dividen kepada tabung Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Pharmaniaga bersedia memenuhi keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi insulin, begitu juga vaksin yang mana setiap tahun, kita (Malaysia) import RM250 juta vaksin.

"Buat masa ini, mereka (Pharmaniaga) keluarkan vaksin untuk dua jenis penyakit walaupun berkecimpung menghasilkan pelbagai (vaksin), tetapi kita lakukan secara berperingkat," katanya.

“Kerajaan setiap tahun belanjakan RM300 juta untuk (beli) insulin sahaja”
Mohamed Khaled

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : NIAGA

Kilang insulin dan vaksin pertama di Malaysia

Oleh ZUL KIELI MANZOR

PUCHONG – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melancarkan fasiliti pengilangan insulin dan vaksin pertama di negara ini di Taman Perindustrian Puchong Utama, semalam.

Puchong Utama, semalam.
Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, fasiliti membolehkan pelaburan kira-kira RM300 juta itu berkeupayaan mengeluarkan insulin dan vaksin untuk 13 jenis penyakit.

"Kita maklum insulin digunakan untuk memenuhi keperluan pesakit kencing manis atau diabetes yang kita tahu jumlah mereka tinggi.

"Kewujudan fasiliti ini dapat membantu dalam soal keterjaminan untuk bekalan ubat-ubatan. Setiap tahun Kementerian Kesihatan (KKM) membelanjakan RM350 juta untuk insulin.

"Maknanya Pharmaniaga bersedia untuk memenuhi keperluan KKM," katanya pada sidang media selepas merasmikan Fasil-



MOHAMED KHALED (tengah) melakukan gimik perasmian Fasiliti Pengilangan Insulin dan Vaksin di Pharmanлага LifeScience Sdn. Bhd. di Puchong, semalam.

iti Pengilangan Insulin dan Vaksin Pharmaniaga di sini.

Difahamkan, antara vaksin mampu dihasilkan di fasiliti itu adalah untuk mengekang jangkitan pneumokokal, diphtheria, hepatitis B, pertussis, tetanus, haemophilus influenza type b dan polio, manakala insulin melibatkan penyakit diabetes.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled berkata, fasiliti pengila-

ngan itu berupaya memberi penjimatan kewangan kepada negara kerana mengurangkan kebergantungan terhadap import insulin dan vaksin.

Tambahnya, Pharmaniaga juga diharap tidak hanya bergantung kepada pasaran dalam negara untuk insulin dan vaksin yang dikeluarkan, tetapi juga berusaha untuk meluaskan pasaran ke luar negara.

Fasiliti insulin baharu
tingkat keuntungan
Pharmaniaga

PUCHONG – Fasiliti pengilangan insulin dan vaksin milik Pharmaniaga Berhad dijangka meningkatkan margin keuntungan kasar syarikat kepada kira-kira 30 hingga 35 peratus untuk tahun kewahangannya berakhir 31 Disember 2026.

Pengaruh Urusannya, Zulkifli Jaafar berkata, fașiliti yang pertama seumpamanya di Malaysia itu mempunyai kepuasaan mengeluarkan kira-kira 30 juta dos insulin setahun.

"Untuk insulin sahaja kita menjangkakan untuk permulaan hasil kira-kira RM100 juta setahun, vaksin kira-kira RM300 juta setahun.

"Ia secara automatik akan meningkatkan hasil dan margin keuntungan," kata-nya pada sidang media sem- pena majlis perasmian

di sini semalam.

di sini, semalam.

Pharmaniaga telah diklasifikasi kasikan di bawah Nota Amalan 17 (PN17) bagi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, yang merujuk kepada syarikat yang mengalami masalah kewangan atau tidak memenuhi syarat minimum ditetapkan Bursa Malaysia.

Mengulas perkara tersebut, Zulkifli berkata, pihaknya menjangka Bursa Malaysia akan meluluskan pelan penyusunan semula syarikat menjelang

ZULKIFLI
IAAFAR



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Pharmaniaga lancar fasiliti pengilangan vaksin dan insulin

PUCHONG - Pharmaniaga Berhad mencatat sejarah apabila menjadi syarikat pertama di negara ini yang mempunyai fasiliti pengilangan insulin dan vaksin sekali gus mampu memperku强 keterjaminan bekalan ubat-ubatan negara.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kejayaan pembukaan dan operasi fasiliti biofarmaseutikal yang berteknologi tinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM300 juta itu dilaksanakan dengan kerjasama Boustead Holdings Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Menurutnya, fasiliti itu dapat mengurangkan pergantungan kepada ubat-ubatan import sekali gus membebaskan negara daripada terperangkap dengan pelbagai eksloitasi oleh pemain utama di peringkat global.

"Fasiliti pengilangan vaksin dan insulin Pharmaniaga satunya yang terdapat dalam negara ini, kilang berkenaan boleh mengeluarkan insulin dan juga vaksin untuk 13 jenis penyakit justeru menerusi perasmian fasiliti ini akan dapat membantu keterjaminan ubat negara.

"Kejayaan pembukaan fasiliti ini sejajar dengan komitmen LTAT di bawah kerangka Ekonomi Madani, yang mahukan kita meningkatkan daya cipta dan nilai industri farmaseutikal Malaysia, khususnya dalam penghasilan produk biofarmaseutikal tempatan," katanya dalam sidang akbar Majlis Perasmian Fasiliti Pengilangan Insulin dan Vaksin di Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd, di sini pada Khamis.

Terdahulu, dalam ucapannya Mohamed Khaled berkata, dalam konteks pertahanan negara dan kesejahteraan masyarakat selain siaga pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera Malaysia atau Polis Diraja Malaysia, keterjaminan bekalan ubat-ubatan termasuk vaksin dan insulin antara perkara kritikal yang tidak boleh dipandang ringan.

Tambahnya, apabila pihak Pharmaniaga memutuskan untuk mengembangkan keupayaan kilang sehingga ke tahap bertaraf antarabangsa sudah tentu ia perkembangan membanggakan.

Bagaimanapun, kepentingan dan keperluan fasiliti itu tidak boleh hanya dilihat dalam konteks pandemik global atau penyakit berjangkit semata-mata, sebaliknya fungsi dan cakupan jauh lebih besar serta meluas misalnya penghasilan insulin bagi kegunaan pesakit diabetes. - Bernama



MOHAMED KHALED

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Pharmaniaga lancar fasiliti sulung negara hasilkan insulin, vaksin

Oleh AIMAN ALI
 aiman.ali@mediamulia.com.my

PUCHONG: Industri biofarmaseutikal mencapai satu kejayaan baharu menerusi penubuhan kilang pengeluaran vaksin sulung negara oleh Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dengan kerjasama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Boustead Holdings Berhad.

Penubuhan fasiliti khas itu adalah untuk mengeluarkan insulin dan juga vaksin yang tersemua di dalam Program Imunisasi Kebangsaan (NIP).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata pembukaan dan operasi fasiliti biofarmaseutikal yang berteknologi tinggi itu bukan sahaja mencatat sejarah sebagai syarikat tempatan pertama untuk mengilang insulin dan vaksin, malah akan membantu memperkuatkan keterjaminan bekalan ubat-ubatan negara.

Jelasnya, pengalaman negara melanda wabak Covid-19 sebelum ini memberi pengajaran terhadap kesiapsagaan negara dalam membekalkan perubatan seperti vaksin.

"Pengalaman tersebut memberi pengajaran besar, bahawa kita mesti serius dalam membangunkan kekuatan serta keupayaan negara dalam bidang kritikal seperti farmaseutikal.



MOHAMED Khaled Nordin (dua kanan) menandatangani plak simbolik Perasmian Fasiliti Pengilangan Insulin dan Vaksin di Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd di Puchong, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

"Jadi, apabila Pharmaniaga memerlukan untuk mengembangkan keupayaan kilang ini sehingga ke tahap bertaraf antarabangsa seperti sekarang, sudah tentulah ia merupakan satu bentuk perkembangan yang membanggakan kita semua.

"Akan tetapi, kepentingan dan keperluan fasiliti ini tidak boleh hanya dilihat dalam konteks pandemik global atau penyakit berjangkit semata-mata. Sebaliknya, fungsi dan cakupannya adalah jauh lebih besar dan meluas," katanya pada Majlis Peras-

mian Fasiliti Pengilangan Insulin dan Vaksin di sini, semalam.

Kira-kira 4.4 juta rakyat Malaysia yang menghidap diabetes pada 2021 memerlukan sejumlah 24.7 juta dos insulin setiap tahun dan dijanggarkan bilangan akan terus bertambah mencecah lima

juta orang menjelang 2030.

Mengulas lanjut Mohamed Khaled berkata, fasiliti khas itu juga bagi mengurangkan pergantungan kepada ubat-ubatan yang diimport selain memberi pulangan yang baik kepada pelabur.

"Ini sekali gus membebaskan kita daripada terperangkap dengan pelbagai eksploitasi oleh pemain utama di peringkat global.

"Usaha ini juga dapat menuhi aspirasi Halatuju Pelan Pembangunan Vaksin Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara pengeluar vaksin menjelang 2030 dan paling penting, ini semua adalah sebahagian daripada proses kita memastikan setiap satu entiti di dalam ekosistem pertahanan negara berprestasi tinggi dan memberikan pulangan yang baik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Pharmaniaga, Zulkifli Jafar berkata, kilang dengan fasiliti canggih tersebut but bersedia untuk memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sektor penjagaan kesihatan Malaysia dengan mengurangkan pergantungan kepada biofarmaseutikal yang diimport seperti insulin dan vaksin.

"Kemudahan ini bukan sahaja untuk memastikan kestabilan bekalan ubat dalam keadaan kritis malah untuk menjamin masa depan bekalan ubat dalam negara," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : BUSINESS TIMES

REGULARISATION PLAN

'APPROVAL EXPECTED NEXT MONTH'

Pharmaniaga looking at PN17 exit in Q1 next year, says managing director

SHAREEN KAUR
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

PHARMACEUTICAL group Pharmaniaga Bhd aims to exit its Practice Note 17 (PN17) status by March next year, according to managing director Zulkifli Jafar.

He said the company anticipated Bursa Malaysia to approve its regularisation plan next month.

Zulkifli said the process was expected to take three to four months.

"So, we are looking at (a PN17 exit) in the first quarter of next year," he after the opening of Pharmaniaga's biopharmaceutical plant in Puchong, Selangor yesterday.

The company triggered the PN17 criteria on Feb 27 last year following an audit of its consolidated financial statements for the period ended Dec 31, 2022.

Pharmaniaga posted a net loss

of RM607.32 million in its financial year 2022 against a net profit of RM172.15 million in the previous year.

A massive impairment caused by a failure to offload RM552.3 million worth of Covid-19 vaccines sent Pharmaniaga tumbling into the PN17 status.

The company submitted its regularisation plan to Bursa Malaysia in February in the hope of exiting the PN17 classification.

The plan outlines a holistic approach to increase the equity of the company and minimise its accumulated losses.

It involves fundraising via a renounceable rights issue of new ordinary shares of up to RM354.6 million and private placement of up to RM300 million.

The plan also entails a capital reduction of about RM180 million issued share capital to reduce its accumulated losses.



Zulkifli Jaffar



Pharmaniaga Bhd's new biopharmaceutical plant in Puchong, Selangor. PIC BY AIZUDDIN SAAD

According to the company's filing with Bursa Malaysia in February, its substantial shareholders, the Armed Forces Fund Board (LTAT) and Boustead Holdings Bhd, were supporting this strategic initiative.

Pharmaniaga is a subsidiary of Boustead, which in turn is wholly owned by LTAT.

According to sources, exiting the PN17 status will be a significant milestone for Pharmaniaga as it seeks to expand in the biopharmaceutical sector by establishing manufacturing facilities for vaccines and insulin.

"The company is aiming to diversify its revenue streams and anticipates securing more contracts from the government and private sector."

"It is also investing in four new warehouses as part of a RM220 million capital expenditure plan, designed to fulfil the requirements of its government concession to supply drugs and non-drug products to government facilities nationwide."